

Terjemah kejayaan kerohanian Syawal dalam landskap kehidupan

Oleh Prof Madya Dr
Muhamad Amar Mahmud
bhagama@bh.com.my

Syawal menjelma sebagai detik penting dalam perjalanan umat Islam kerana menjadi simbol kemenangan rohani. Hasil proses tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) intensif sepanjang Ramadan, yang berfungsi sebagai madrasah tarbiah Ilahi.

Justeru, Syawal bukan sekadar ruang 'euforia', tetapi suatu titik yang menzahirkan kejayaan manusia dalam menundukkan hawa nafsu, memperkukuh iman dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dalam kerangka epistemologi Islam, kemenangan rohani yang dirayakan pada Syawal berakar daripada konsep al-falah, iaitu kejayaan hakiki merangkumi kebahagiaan dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT: *"Sesungguhnya berjaya ialah orang yang menyucikan dirinya dan dia mengingati nama Tuhannya lalu dia mendirikan solat."* (Al-A'la: 14-15)

Ayat ini menunjukkan kejayaan sebenar bukanlah terletak pada pencapaian material, tetapi keberhasilan dalam menyucikan jiwa dan mengekalkan hubungan dengan Allah SWT. Oleh itu, Syawal harus difahami sebagai manifestasi kepada kejayaan berkenaan yang perlu diterjemahkan dalam bentuk istiqamah dan kesinambungan amal.

Ramadan sebagai prasyarat kepada Syawal, sangat signifikan dalam membentuk struktur spiritual manusia. Melalui ibadah puasa, solat tarawih, qiamullail, tadarus al-Quran dan amalan kebajikan lain, seseorang Muslim dilatih mengawal keinginan, memperhalusi sensitiviti rohani dan memperkukuh kesedaran terhadap kehadiran Ilahi (muraqabah).

Imam al-Ghazali dalam karya monumentalnya, *Ihya' 'Ulum al-Din* menegaskan tujuan utama ibadah puasa adalah untuk melemahkan dominasi hawa nafsu dan memperkasakan akal serta hati sebagai pusat kesedaran spiritual.

Justeru, kejayaan menamatkan Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan menjadi petunjuk pencapaian tahap tertentu dalam proses penyucian jiwa.

Namun, Syawal bukanlah titik penamat kepada perjalanan spiritual ini, sebaliknya permulaan kepada fasa baharu lebih mencabar. Jika Ramadan menyediakan persekitaran kondusif untuk ibadah secara kolektif, maka Syawal menguji keupayaan individu untuk mengekalkan disiplin berkenaan dalam suasana lebih bebas dan tidak terikat.

Dalam hal ini, konsep istiqamah menjadi sangat penting. Rasulullah SAW bersabda: *"Katakanlah aku beriman kepada Allah, kemudian beristiqamahlah."* (Hadis riwayat Muslim)

Hadis ini memberikan panduan bahawa keimanan sebenar perlu disertai dengan keteguhan dalam amal, tanpa mengira perubahan waktu dan keadaan.

Dalam landskap kehidupan insani semakin kompleks, cabaran mengekalkan kemenangan rohani menjadi semakin besar. Dunia moden sarat dengan godaan materialisme, hedonisme dan individualisme sering menghakik nilai spiritual yang sudah dibina.

Syawal berfungsi sebagai ujian awal untuk menilai sejauh mana keberkesanan tarbiah Ramadan dalam membentuk jati diri Muslim yang kukuh. Kegembiraan dizahirkan pada hari raya perlu dikawal agar tidak bertukar menjadi kelalaian mengundang kemurkaan Ilahi.

Dari sudut fiqh, Syawal dihiasi dengan pelbagai amalan sunnah yang mencerminkan keseimbangan

antara kegembiraan dengan pengabdian. Antaranya, bertakbir, menunaikan solat sunat Aidilfitri serta memperbanyakkan ziarah dan sedekah.

Kegembiraan tidak lampau batas

Imam al-Nawawi dalam *al-Majmu'* menjelaskan bahawa menzahirkan kegembiraan pada hari raya adalah suatu dianjurkan, selagi tidak melanggar batas syariah. Ini menunjukkan Islam tidak menafikan keperluan manusia untuk bergembira, tetapi menetapkan garis panduan jelas agar kegembiraan berkenaan tidak melampaui batas.

Dalam dimensi akhlak, Syawal menjadi medan untuk menghidupkan nilai murni seperti kasih sayang, kemaafan dan solidariti sosial. Amalan bermaaf-maafan yang menjadi tradisi umat Islam mencerminkan kesediaan untuk membersihkan hati daripada dendam dan permusuhan.

Ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 22 yang menggalakkan kemaafan dan ihsan sesama manusia. Dalam perspektif ini, kemenangan rohani bukan sahaja diukur melalui hubungan dengan Allah SWT, tetapi juga melalui kualiti hubungan sesama manusia.

Namun, cabaran utama dalam mengurus kegembiraan Syawal adalah kecenderungan untuk terjerumus dalam budaya berlebih-lebihan. Pembaziran dalam penyediaan makanan, persaingan dalam mempamerkan kemewahan serta pengabaian terhadap golongan memerlukan menjadi antara gejala bertentangan dengan semangat Syawal.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 27 menyifatkan pemboros sebagai saudara syaitan menjadi peringatan tegas bahawa kegembiraan tidak terkawal boleh membawa kepada kerosakan moral.

Dalam konteks ekonomi, Syawal juga memberikan implikasi signifikan terhadap pola perbelanjaan masyarakat. Islam menggalakkan kesederhanaan dan keseimbangan dalam perbelanjaan seperti ditegaskan dalam Surah al-Furqan ayat 67.

Prinsip ini perlu dijadikan panduan agar kegembiraan tidak menjadi alasan untuk berhutang atau melakukan pembaziran yang tidak perlu. Sebaliknya, Syawal seharusnya menjadi ruang untuk memperkukuh amalan kebajikan seperti sedekah dan memban-

tu golongan kurang bernasib baik.

Dalam era globalisasi, Syawal turut dipengaruhi perubahan sosial dan budaya yang pesat. Media sosial misalnya, mengubah cara manusia berinteraksi dan mengekspresikan kegembiraan.

Walaupun teknologi ini menawarkan kemudahan dalam mengeratkan silaturahmi, ia juga membawa cabaran dari sudut adab dan keikhlasan. Fenomena *riya'* digital, penyebaran maklumat tidak sahih dan budaya perbandingan sosial menjadi antara isu perlu ditangani dengan bijaksana.

Dalam kerangka pendidikan, Syawal boleh dijadikan sebagai platform untuk membina kesedaran terhadap kepentingan kesinambungan amal dan pemeliharaan nilai spiritual. Institusi keluarga berperanan penting dalam mendidik anak-anak mengenai makna sebenar kemenangan rohani, manakala institusi pendidikan dan masjid boleh menjadi medium untuk menyebarkan ilmu serta membimbing masyarakat ke arah penghayatan Islam lebih mendalam.

Lebih jauh lagi, kemenangan rohani dimanifestasikan dalam Syawal mempunyai implikasi terhadap pembinaan peradaban Islam. Masyarakat yang terdiri daripada individu bertakwa dan berakhlak mulia akan melahirkan komuniti sejahtera, berintegriti serta berdaya tahan.

Nilai-nilai seperti kejujuran, amanah dan disiplin dipupuk sepanjang Ramadan perlu diteruskan dalam kehidupan seharian agar dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat lebih baik.

Namun, perlu diakui mengekalkan kemenangan rohani bukan mudah kerana memerlukan usaha berterusan, muhasabah diri dan sokongan daripada persekitaran kondusif. Dalam hal ini, peranan ulama dan pendakwah sangat penting dalam memberikan bimbingan serta motivasi kepada umat agar tidak terjerumus dalam kelalaian.

Kesimpulannya, Syawal menjadi manifestasi kepada kemenangan rohani yang perlu diterjemahkan dalam keseluruhan aspek kehidupan insani. Ia bukan sekadar perayaan, tetapi tanggungjawab untuk mengekalkan kesucian jiwa dan memperkukuh hubungan dengan Allah SWT, sekali gus dapat memastikan Syawal benar-benar menjadi simbol kejayaan hakiki.



Pensyarah
di Universiti Utara
Malaysia (UUM)

